



KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## KENYATAAN MEDIA

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

## RM 10.9 JUTA UNTUK KEUSAHAWANAN ORANG ASLI

KPLB.100-2/1/6 JLD.2 (82)

Ipoh, 25 Jun – Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) memperuntukkan sebanyak RM 10.9 juta untuk Program Keusahawanan Orang Asli di Malaysia sejak 2016 sehingga 2022.

Timbalan Menteri 1, Pembangunan Luar Bandar Dato' Sri Abdul Rahman Mohamad berkata, peruntukan tersebut akan digunakan untuk melahirkan usahawan-usahawan Orang Asli dengan bantuan pembinaan premis perniagaan, bantuan peralatan perniagaan dan kursus dan seminar keusahawanan.

“Bagi menjana dan meningkat ekonomi masyarakat Orang Asli, JAKOA menganjurkan Karnival Usahawan Orang Asli 2022 (KUOA 2022) sebagai sebuah platform mengetengahkan keunikan produk-produk usahawan mereka”.

Beliau berkata demikian ketika sidang media KUOA 2022 di Bulatan Sultan Azlan Shah, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah JAKOA, Puan Sapiah Mohd Nor.

“KUOA 2022 merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk memberikan peluang penglibatan yang sama kepada semua, terutamanya masyarakat

Orang Asli dalam menjana dan meningkatkan ekonomi mereka, seiring dengan aspirasi kerajaan bagi memastikan warga Orang Asli seiring dengan masyarakat perdana”, ujar Abdul Rahman lagi.

“Selain itu, KUOA 2022 ini mampu mencapai matlamat utamanya untuk membantu kaum Orang Asli mempertingkatkan kemahiran komunikasi dan interaksi mereka, serta mengetengahkan bakat yang diperolehi kepada masyarakat.

Meskipun berbeza kepercayaan, latar belakang dan budaya, kita meraikan “keterangkuman” dalam perbezaan, demi menjunjung semangat Malaysia, sebagai sebuah negara bangsa.

“KUOA 2022 anjuran JAKOA ini merupakan karnival edisi ke-13 yang dianjurkan untuk usahawan di kalangan masyarakat orang asli dengan 34 usahawan dipilih menyertai KUOA ini.

Abdul Rahman turut menyarankan agar masyarakat orang asli dapat membudayakan keusahawanan secara dalam talian sekaligus dapat memperluaskan pasaran produk sehingga ke seluruh negara.

“Kita turut mempunyai Desamall@KPLB yang menghubungkan usahawan KPLB dan Agensi dengan portal membeli belah secara dalam talian seperti SHOPPEE dan LAZADA. Justeru itu, kita akan melaksanakan program rebonding keusahawanan orang asli untuk mereka memahami kaedah perniagaan secara dalam talian.

Beliau menambah, bidang keusahawanan yang dijalankan oleh masyarakat orang asli kini telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan

dengan pelbagai keunikan hasil kraf dan produk-produk masyarakat orang asli kini turut dipasarkan dengan kaedah konvensional dan serta menerusi jualan dalam talian sekaligus mampu meningkatkan pendapatan masyarakat orang asli di Malaysia.

**-Tamat-**

#KeluargaMalaysia

#LuarBandarSejahtera

**YB. DATUK SRI ABDUL RAHMAN MOHAMAD**  
**TIMBALAN MENTERI I PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**  
**25 JUN 2022**

**Unit Komunikasi Korporat.** | Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: [ukk@rurallink.gov.my](mailto:ukk@rurallink.gov.my)



[www.rurallink.gov.my](http://www.rurallink.gov.my)



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb\\_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb\\_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB\\_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)